

Exco Pahang: Ahli2

UMNO Benta nak jumpa Najib

KUALA LIPIS,
Insin — Satu rombongan terdiri dari ahli-ahli UMNO dari 13 cawangan di kawasan Dewan Undangan Negeri Benta akan menemui Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak pada 5 Jun depan bagi membincangkan perantian seorang ahli Exco.

Rombongan itu yang akan diketuai oleh Encik Kamarulzaman bin Haji Osman, bekas Setiausaha Pilihanra-

ya Dewan Undangan Negeri kawasan Benta, mahukan Datuk Najib menibangkan semula perantian ADUN Benta, Encik Mohd Zuki bin Haji

Kamalludin sebagai ahli Exco.

Encik Mohd Zuki pernah dilantik sebagai ahli Exco selepas pilihanraya 1978, tidak dipilih semula dalam pembentukan

kerajaan baru selepas pilihanraya lalu.

Encik Kamarulzaman memberitahu, pertemuan itu hanya bertemua jika hanya bertemua dengan memberikan pendapat 12 cawangan UMNO di kawasan Benta mengenai Encik Mohd Zuki yang perlu dilantik semula sebagai ahli Exco.

Encik Mohd Zuki ialah Timbalan Ketua UMNO Bahagian Lipis sekarang dan semasa menjadi ahli Exco dulu memengeruahkan portfolio pertanian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Telegram

Encik Kamarulzaman berkata, selepas pengumuman ahli-ahli Exco baru awal bulan ini, cawangan-cawangan UMNO di kawasan Benta telah mengirim 10 pucuk telegram kepada Menteri Besar, Datuk Najib bin Tun Razak dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana Encik Mohd Zuki tidak terpilih lagi.

Cawangan-cawangan UMNO tersebut berasa kecewa bila Encik Mohd Zuki yang dianggapkan sebagai wakil rakyat yang berkebolehan dan berpengalaman tidak dipilih semula sebagai ahli Exco.

Dari segi profesion, Encik Mohd Zuki ialah seorang peguam dan sebelum pilihanraya lalu beliau terpilih sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Lipis.

Ahli-ahli UMNO cawangan-cawangan Benta itu, pada mulanya hendak menemui Menteri Besar di Kampung Chal, Benta semalam, tetapi Datuk Najib tidak datang untuk merasmikan penganugerahan Bella Pahang. Tempatnya digantikan oleh ahli Exco Haji Abdul Aziz Rahman.

Cawangan-cawangan MNO itu berharap, Datuk Najib dapat menibangkan semula Encik Mohd Zuki sebagai ahli Exconya dan kebetulan pula dua portfolio masih kosong, lagipun mereka menganggapkan tidak ada ahli Exco dari Bahagian Lipis dalam Kerajaan Pahang sekarang.

Semasa mengumumkan perantian barisan ahli Exco Kerajaan Pahang yang baru pada 12 Mei lalu, Datuk Najib berkata, dua lagi wakil rakyat akan dilantik sebagai ahli Exco kemudian.